

Anggota Umno Harus Bersikap Ofensif Dalam Mempertahankan Parti - Syed Ali Bernama
25Feb 2014

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Cheras Datuk Seri Syed Ali Alhabshee meminta anggota Umno supaya mengambil sikap ofensif dengan menyerang balas fitnah serta pembongkaran yang ditaburkan oleh pembangkang terutama menerusi laman-laman sosial.

Syed Ali berkata persepsi yang ditanam pembangkang kononnya Umno lemah dan terdesak perlu diperbetulkan dengan menyerang balik dakyah tersebut.

Justeru beliau berkata seluruh kepimpinan Umno perlu menggunakan apa sahaja ruang yang ada khususnya menerusi laman-laman sosial untuk menyerang balas pembangkang yang menggunakan saluran yang sama untuk memfitnah.

"Kita kena perbetul dan perjelaskan kepada rakyat bahawa apa yang disebar oleh pembangkang adalah pembongkaran dan fitnah semata-mata dan bertujuan memecahbelahkan perpaduan rakyat," tegasnya dalam laman blog www.umnobahagiancheras.blogspot.com

Sehubungan itu Syed Ali, menyambut baik saranan Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi supaya pemimpin Umno menggunakan pendekatan seperti yang diamalkan oleh pembangkang.

Pada majlis makan malam amal perdana bersama pemimpin anjuran Veteran Umno Melaka di Bukti Katil kelmarin, Zahid menegaskan bahawa pemimpin Umno di negeri yang dikuasai pembangkang perlu berani dan berfikiran seperti pembangkang.

"Bukan menyerang peribadi tetapi menyerang menggunakan fakta dengan persepsi yang selama ini menganggap kita (Umno) salah," tegas Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri.

"Saya bersetuju dengan pandangan Zahid, kerana selagi kita berpeluk tubuh dan takut untuk menentang pembangkang, selagi itulah UMNO dipandang lemah," tegas Syed Ali lagi.

Beliau berkata, selagi pemimpin Umno mengambil sikap defensif, ini akan memberi ruang kepada pembangkang untuk dilihat lebih berani menjuarai sesuatu isu.

Katanya pembangkang pada hakikatnya tidak kuat sepertimana yang digambarkan sebaliknya hidup atas sikap pemimpin Umno yang masih takut untuk bersuara.

"Pemimpin Umno takut untuk bersuara... takut untuk menyerang pembangkang sepertimana mereka lakukan terhadap Umno.

"Kita tahu apa yang pembangkang cakap itu tidak betul, fitnah, tetapi malangnya kita tidak berani untuk menepisnya dan membiarkan isu tersebut berlarutan," tegas beliau.

Dalam perkembangan lain, Syed Ali mengingatkan parti-parti politik yang bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang 23 Mac ini, supaya tidak mengamalkan budaya politik ganas dan adu domba.

Ini katanya, setiap kali berlakunya PRK akan berlaku keganasan politik sehingga membawa kepada

pergaduhan sehingga menjejaskan ketenteraman awam.

Berdasarkan PRK sebelum ini katanya, pembangkang sengaja melakukan provokasi dan bertindak ala-samseng bagi mencetuskan suasana tidak tenteram.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1017225>